



## TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAН PENUTUP SEMINAR *HOME HELP*  
PERINGKAT NEGERI SARAWAK**

**EASTWOOD VALLEY GOLF & COUNTRY CLUB  
MIRI, SARAWAK**

**21 OGOS 2015 (JUMAAT)**

**<СALUTASI>**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**Saudara/i Pengacara Majlis;**

**Salam Kebajikan dan Salam 1Malaysia**

**PENDAHULUAN**

**YBhg. Dato' Tuan/Puan,**

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Ibu Pejabat dan JKM Negeri Sarawak kerana mengundang saya untuk merasmikan Majlis Penutup Seminar *Home Help* Peringkat Negeri Sarawak pada pagi ini. Saya sangat bersyukur kehadrat Allah SWT dan rasa bertuah kerana berkesempatan untuk bersama dengan peserta Seminar *Home Help* dan semua yang hadir pada pagi ini.

2. Tahniah dan syabas kepada JKM Ibu Pejabat dan JKM Negeri Sarawak kerana dapat mengumpulkan seramai 220 orang peserta seminar yang terdiri daripada Petugas *Home Help* serta pegawai-pegawai JKM yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan Program *Home Help* di negeri Sarawak. Saya dimaklumkan sejak hari Jumaat lagi para peserta daripada seluruh negeri Sarawak telah berkampung di Eastwood Valley Golf & Country Club, Miri untuk mengikuti Seminar *Home Help* Peringkat Negeri Sarawak yang julung-julung kali diadakan.

3. Seminar ini sudah tentu memberi manfaat yang besar kepada para peserta kerana ia menjadi wadah perbincangan dan perkongsian kepakaran yang sangat efektif dalam usaha Jabatan untuk memperkasakan penyampaian perkhidmatan Program *Home Help* agar program ini terus relevan dan bertepatan dengan keperluan semasa.

**National Blue Ocean Strategi (NBOS)**

4. Seperti yang kita sedia maklum, Jabatan Kebajikan Masyarakat merupakan agensi utama yang bertanggungjawab dalam melaksanakan Program *Home Help*.

Sungguhpun Program *Home Help* telah dilaksanakan sejak tahun 1994 oleh Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) dengan peruntukan disalurkan oleh JKM, namun program ini mula diberi nafas baharu apabila ia menjadi salah satu program teras dalam inisiatif NBOS7-1Malaysia Family Care yang dilaksanakan di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan kerjasama strategik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

5. NBOS diwujudkan sebagai pelengkap kepada pelaksanaan Dasar Transformasi Nasional yang meliputi Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi dan Program Transformasi Sosial. Projek yang dilaksanakan di bawah NBOS akan berpegang kepada 4 kriteria utama dalam memastikan kejayaan program ataupun projek kerajaan iaitu berimpak tinggi, kos rendah, pelaksanaan pantas dan kemampanan.
6. Melalui NBOS, perkhidmatan awam dapat melaksanakan program kerajaan menerusi pendekatan yang lebih kreatif, inovatif dan kolaboratif. Kerjasama dan usaha kolaboratif antara JKM dengan KKM ini telah berjaya meningkatkan perkongsian kepakaran dan pengetahuan, yang mana setiap pihak berkepentingan mampu mengoptimumkan sumber terkumpul bagi mencapai hasil yang lebih baik.
7. Dalam konteks Program *Home Help*, JKM berusaha mengisi kekurangan dalam aspek sokongan sosial (*social support*), manakala KKM akan memberi penekanan kepada perkhidmatan sokongan kesihatan (*health support*). Justeru itu, kerjasama pintar di antara JKM dan KKM telah berjaya berfungsi sebagai pelengkap kepada keperluan sokongan hidup warga emas dan OKU yang berhadapan dengan konflik penjagaan sokongan kesihatan dan sosial daripada ahli keluarga.

## **JALINAN KERJASAMA STRATEGIK**

### **YBhg. Dato' Tuan/Puan,**

8. Selain daripada menjalinkan kerjasama dengan KKM, JKM turut menjalinkan kerjasama strategik dengan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK). Sehingga kini, lima (5) buah PSK telah bekerjasama dengan JKM dalam usaha menyampaikan perkhidmatan kepada kumpulan sasar yang terlibat. Antara PSK yang terlibat ialah Majlis Pusat Kebajikan SeMalaysia (MPKSM), Persatuan Gerontologi Malaysia, Bulan Sabit Merah Malaysia, Persatuan Kebajikan Usiamas Malaysia dan Pusat Sukarelawan Sabah.
9. Jalinan kerjasama strategik dengan pihak PSK sangat penting memandangkan Jabatan tidak mampu melaksanakan tanggungjawab ini secara bersendirian memandangkan tugas menjaga kebajikan semua golongan sasar adalah merupakan tanggungjawab semua pihak. Justeru itu, jalinan perkongsian bijak dan *strategic alliance* di antara Kerajaan dengan PSK, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), sektor korporat dan masyarakat umum adalah selaras dengan konsep "Kebajikan Tanggungjawab Bersama".

10. Pembangunan dan kebajikan masyarakat tidak lagi boleh dilihat sebagai tanggungjawab kerajaan. Kami di Kementerian berpegang teguh kepada komitmen untuk menggalakkan masyarakat dan ahli komuniti mewujudkan sinergi yang diperlukan dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut. Tidak dinafikan, JKM dan

Sukarelawan Kebajikan merupakan rakan strategik dalam menyokong pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti untuk manfaat kumpulan sasar Jabatan.

## **MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**

**YBhg. Dato' / Tuan / Puan,**

11. Program *Home Help* sangat signifikan dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat khususnya di kalangan komuniti yang *vulnerable* dan *marginalise*. Melalui program ini, sukarelawan yang dikenali sebagai Petugas *Home Help* akan menyediakan perkhidmatan bantuan sokongan sosial kepada warga emas atau pun OKU pada setiap minggu.

12. Melalui mekanisme ini, warga emas dan OKU yang memerlukan perkhidmatan ini contohnya begi mereka yang tinggal bersendirian akan dibantu oleh Petugas *Home Help* untuk membersihkan rumah, mencuci pakaian, menyediakan makanan dan lain-lain perkhidmatan bantuan sokongan sosial yang bersesuaian. Walaupun aktiviti yang dibuat nampak mudah, namun ia bukannya semudah seperti yang dijangka. Hanya insan yang benar-benar tulus, ikhlas dan memiliki jiwa murni mampu memberikan sumbangan tenaga dan khidmat kepada klien yang memerlukan.

13. Untuk makluman semua, sehingga 31 Julai 2015, seramai 1,841 orang sukarelawan telah terlibat untuk menyediakan perkhidmatan kepada 6,318 orang klien. Daripada jumlah tersebut, 5,128 orang adalah warga emas manakala 1,190 merupakan OKU.

14. Pada tahun 2014, Program *Home Help* telah menjadi KPI kepada saya yang mana pihak kementerian telah meletakkan sasaran sebanyak 1,500 klien baharu menerima perkhidmatan ini. Apa yang membanggakan saya ialah kita bukan sahaja berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan, tetapi pencapaian yang diraih lebih daripada yang dijangkakan kerana pada tahun lepas sebanyak 2,227 klien baharu telah menerima perkhidmatan ini iaitu sebanyak 148.47 peratus daripada jumlah sasaran.

15. Saya sangat bersyukur dan mengucapkan jutaan tahniah dan terima kasih kepada semua yang terlibat khususnya tuan / puan sekalian sebagai sukarelawan dalam membantu kementerian dan JKM mencapai KPI yang ditetapkan.

16. Setelah tiga (3) tahun Program *Home Help* dilaksanakan, hasrat kementerian menjadikan program ini sebagai platform kepada inisiatif kerajaan untuk menggalakkan penyertaan masyarakat dalam aktiviti kesukarelaan telah tercapai. Penglibatan lebih ramai sukarelawan JKM dalam program ini dilihat sebagai strategi serampang dua mata iaitu selain daripada misi melahirkan lebih ramai ahli komuniti untuk terlibat dengan kegiatan kesukarelaan, Program *Home Help* turut membantu menjayakan agenda di peringkat nasional iaitu sebagai persediaan awal untuk menyediakan tenaga modal insan bagi membantu mewujudkan sistem sokongan sosial yang lebih efektif dan dinamik ke arah menghadapi tahun 2030 apabila Malaysia dijangka mencapai status "negara tua".

17. Justeru itu, langkah kita masih belum terlewat kerana Malaysia masih mempunyai masa selama 15 tahun sebelum 2030 untuk menyediakan modal insan yang berkualiti yang berperanan sebagai sistem sokongan ke arah membina warga emas yang lebih sejahtera, produktif dan sihat. Pada masa yang sama, kementerian juga terus gigih menyediakan kemudahan yang lebih baik untuk warga emas selain menawarkan dasar yang lebih komprehensif dan kreatif untuk warga emas.

## **PENJIMATAN KOS**

18. Melalui pelaksanaan Program *Home Help*, JKM dapat menjimatkan peruntukan kerajaan sebanyak **RM33,866,280.00 setahun**. Ini adalah kerana kos untuk melaksanakan Program *Home Help* hanyalah sebanyak RM390.00 seorang sebulan sedangkan kos untuk seorang warga emas di Rumah Seri Kenangan (RSK) adalah sebanyak RM1,542.00 sebulan dan RM1,900.00 untuk seorang OKU yang menetap di Taman Sinar Harapan (TSH). Bayangkan betapa besarnya nilai wang yang dapat dijimatkan oleh kerajaan sekiranya melaksanakan Program *Home Help* dan penjimatan ini boleh dimanfaatkan untuk kepentingan negara yang lain. Justeru itu, adalah sangat wajar Program *Home Help* ini diteruskan dan diperluaskan perkhidmatannya ke seluruh kawasan di negara kita.

## **CABARAN DAN MASA DEPAN**

**YBhg Dato' / Tuan/Puan,**

19. Program *Home Help* ini juga amat penting diperluaskan dalam usaha untuk menggalakkan penyertaan ahli komuniti untuk turut serta membantu dan cakna kepada warga emas dan OKU yang berkeperluan. Penglibatan lebih ramai komuniti dalam program ini dapat membantu menjayakan inisiatif kerajaan melalui pendekatan *Deinstitutionalisation* (DI) dengan hasrat untuk mengurangkan kemasukan warga emas dan OKU ke institusi-institusi kebajikan kerajaan, swasta dan NGO. Ini merupakan cabaran utama yang perlu diharungi kerajaan untuk mendayaupayakan komuniti ke arah membentuk generasi yang prihatin.

20. Kepesatan pembangunan ekonomi di Malaysia telah memberi kesan kepada perubahan sosial yang sangat ketara seperti peningkatan taraf pendidikan terutamanya di kalangan wanita, pembangunan kemudahan kesihatan, perubahan corak tenaga pekerjaan, kesuburan dan pembentukan keluarga. Perubahan ini memberi kesan penting dalam pertumbuhan dan struktur penduduk di Malaysia termasuklah impak kepada arah aliran penuaan negara (*Ageing Nation*). Peningkatan kualiti dalam segmen kesihatan telah menyebabkan jangka hayat penduduk meningkat dan kesannya penduduk yang berumur 60 tahun dan ke atas meningkat.

21. Penuaan penduduk akan memberi kesan terhadap sosioekonomi negara. Penduduk tua dianggap tidak memberi sumbangan kepada ekonomi dan merupakan kumpulan yang tidak berdikari dan beban kepada negara. Kerajaan terpaksa memperuntukkan perbelanjaan yang tinggi setiap tahun untuk menyediakan keperluan untuk warga emas seperti pusat jagaan, bantuan perubatan, pencen dan sebagainya. Peningkatan warga emas menyebabkan berlakunya perubahan nilai sosial dalam masyarakat. Sejarah menunjukkan bahawa ahli-ahli keluarga yang

tinggal secara bersama bertanggungjawab dalam penjagaan warga emas, yang mana mereka bergantung harap kepada ahli keluarga yang tinggal bersama. Walau bagaimanapun, pembentukan keluarga yang lebih kecil memberi kesan ke atas peranan keluarga sebagai penjaga (*care-givers*) kepada warga emas. Justeru itu, di sinilah pentingnya Program *Home Help* untuk mengisi kekosongan ini dengan menyediakan perkhidmatan bantuan sokongan sosial kepada warga emas.

## **PENUTUP**

22. Adalah menjadi harapan saya supaya Seminar *Home Help* yang diadakan ini dapat membuka ruang penambahbaikan yang lebih luas ke arah penyediaan perkhidmatan bantuan sokongan sosial yang lebih mampan. Perkongsian pengalaman dan kepakaran daripada semua pihak yang terlibat dalam seminar ini sudah tentu menjadi input dan ramuan terbaik kepada semua pihak khususnya sukarelawan agar terus aktif dan dinamik.

23. Akhir kata, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada tuan / puan yang menjadi sebahagian daripada komuniti prihatin dan bertanggungjawab kepada rakyat yang memerlukan. Semoga jasa dan pengorbanan yang dicurahkan akan mendapat balasan daripada Allah swt. Saya juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Bahagian Komuniti JKM dan JKM Negeri Sarawak kerana berjaya menganjurkan Seminar *Home Help* ini dengan cemerlang dan mencapai objektif yang ditetapkan.

24. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, **saya dengan sukacitanya merasmikan Seminar *Home Help* Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2015.**

Sekian, saya sudahi dengan lafaz Wabillah hi taufik Wal Hidayah Wassalam Mualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.